



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Latifah Haji Shebli. (1989). Bersalin: Beberapa Adat, Petua dan Pantang Larang Orang Melayu Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 75-86

BERSALIN: BEBERAPA ADAT, PETUA DAN PANTANG LARANG ORANG MELAYU SARAWAK

Latifah Haji Shebli

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim. Dengannama Allah yang maha pengasih dan maha penyayang, maka bermulalah kehidupan dari perkahwinan. Lazimnya daripada perkahwinan itu, adanya kesujudan kita waris-berwaris dan adat-beradat. Sama ada ia merupakan adat budaya asal usul tempatan atau sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kedatangan orang-orang Sambas dan Riau; yang nyata ia telah menjadi warisan budaya Sarawak turun-temurun. Seperti budaya orang Dayak, dalam segi perubatan setelah bersalin, terdapat juga persamaannya dengan ciri-ciri budaya orang Melayu setelah bersalin. Orang Dayak menggunakan lengkuas, halia, tepus dan pelbagai lagi jenis tumbuh-tumbuhan yang sejenis dalam perubatannya; begitu juga orang-orang Melayu. Barangkali, kerana keadaan kesuburan tanah Sarawak itu sendiri; maka berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan terdapat di merata-rata tempat di negeri Sarawak. Justeru itu, terdapatnya kesamaan dalam beberapa budaya perubatan.

BERSALIN: BEBERAPA ADAT, PETUA DAN PANTANG LARANG ORANG MELAYU SARAWAK

oleh

Latifah Haji Shebli

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahhim. Dengan nama Allah yang maha pengasih dan maha penyayang, maka bermulalah kehidupan dari perkahwinan. Lazimnya daripada perkahwinan itu, adanya kesujudan kita waris-berwaris dan adat-beradat. Sama ada ia merupakan adat budaya asal usul tempatan atau sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kedatangan orang-orang Sambas dan Riau; yang nyata ia telah menjadi warisan budaya Sarawak turun-temurun. Seperti budaya orang Dayak, dalam segi perubatan setelah bersalin, terdapat juga persamaannya dengan ciri-ciri budaya orang Melayu setelah bersalin. Orang Dayak menggunakan lengkuas, halia, tepus dan pelbagai lagi jenis tumbuh-tumbuhan yang sejenis dalam perubatannya; begitu juga orang-orang Melayu. Barangkali, kerana keadaan kesuburan tanah Sarawak itu sendiri, maka berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan terdapat di merata-rata tempat di negeri Sarawak. Justeru itu, terdapatnya kesamaan dalam beberapa budaya perubatan.

Orang-orang Melayu Sarawak mempunyai beberapa adat dan budaya tersendiri, misalnya adat berdiri rumah, adat pindah rumah, adat berkahwin, adat mengandung, adat bersalin, adat dalam hari dan bermacam-macam adat dan pantang larang orang tua-tua yang tinggal sebagai warisan lisan, tetapi amat sedikit dibukukan. Adat-adat tertentu dalam perkahwinan dapat kita baca dari buku "BEBERAPA SEGI ADAT PERKAHWINAN ORANG-ORANG MELAYU SARAWAK" oleh Abang Yusuf bin Abang Puteh, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964. Dalam kertas kerja ini saya hanya merakamkan sedikit tentang adat dan pantang larang ketika mengandung dan beberapa adat, pantang larang dan sedikit petua, juga cara-cara perubatan selepas bersalin. Dapatlah dikatakan di sini, bahawa kertas kecil ini umpama menyambung kerja-kerja ilmiah Datuk Amar Abang Yusuf bin Abang Puteh. Malangnya kertas kerja ini dibuat dalam masa yang singkat dan tergesa-gesa. Bagaimanapun oleh kerana kecintaan yang mendalam dan rasa tanggungjawab terhadap budaya bangsa, serta ingin menyumbang secebis bakti kepada dunia persuratan, alam bahasa dan budaya; saya mencuba juga sedapat yang boleh. Justeru itu, segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam kertas kecil ini, mengharapakan timbang terima dan teguran yang membina daripada para sarjana yang budiman dan jauhari.

MENGANDUNG

Suatu alam yang luar biasa bagi seseorang wanita ialah ketika mula-mula mengandung. Masa mengandung ini merupakan suatu masa yang ngeri, cemas dan selalu dalam debaran. Namun ia juga merupakan saat-saat yang menggembirakan dan membanggakan. Kecemasan dan debaran mungkin disebabkan wanita itu menghadapi berbagai-bagai masalah ketika mengandung, terutama dalam bulan pertama, kedua dan ketiga. Apabila seseorang wanita terputus haid, ini menandakan dia sedang mengandung sebulan. Semua wanita akan merasa suatu kelainan dalam dirinya. Ada sesetengah wanita akan merasa tidak sedap badan, rasa loya atau ada yang muntah-muntah.

Sebelum kita bertembung dengan alam kedokteran dan perubatan moden, orang-orang tua telah mencipta beberapa cara perubatan dan pantang larang semasa mengandung dan selepas bersalin.

Seorang wanita yang sedang mengandung dalam bulan awal, amat ditegah atau dilarang keluar rumah pada waktu senja atau waktu hujan panas. Ini mengelakkan daripada “terkena limpasan”. Kononnya pada waktu senja atau hujan panas, ada sesuatu yang ghaib. Yang ghaib ini menyebabkan seseorang itu sakit yang dikatakan “terkena limpasan”. Lagipun anak dalam kandungan yang masih dalam bulan awal itu, dipercayai amat disukai oleh sesuatu yang ghaib; orang tua-tua dulu juga mengatakan “terkena limpasan orang atas”.

Dalam bulan pertama ini juga, seseorang wanita yang mengandung adalah dipantangkan membuat kerja-kerja berat. Kerja-kerja seperti memotong kaki ayam dan memotong ketam adalah ditegah, kerana ditakuti anak dalam kandungan itu namak, yakni “mengiring” atau mengikut seperti tangan ayam dan ketam. Bayi yang akan lahir tidak mempunyai jari atau jarinya kudung.

Selain daripada wanita yang mengandung ditegah berbuat demikian, suaminya pula ditegah memboleh kayu api. Kayu api yang sebahagiannya sudah dibakar, jika dibelah dua oleh seorang suami ketika isterinya mengandung, maka anaknya yang akan lahir akan bisang. Pantang larang ini seolah-olah benar, kerana memang terdapat di sebuah kampung, yang suaminya tidak mengikut pantang larang tersebut, maka anak-anaknya ditakdirkan lahir bisang. Sejauh mana pantang larang ini benar, Allah juga yang maha mengetahui. Apa yang nyata, suami tadi bersikap takbur dan tidak menerima teguran orang tua-tua.

Dalam masa awal mengandung, seseorang wanita digalakkan sentiasa kemas dan berhias, supaya anak dalam kandungan juga akan mengikut ciri-ciri ibunya iaitu dilahirkan cantik dan bersikap kemas.

Ada beberapa kampung Melayu yang adat dan pantang larangnya lebih rumit tetapi tidak menyakinkan. Misalnya, seorang wanita yang sedang mengandung dalam bulan pertama tidak dibenarkan duduk di anak tangga. Jika hendak turun, dia harus turun sekali dan jika hendak naik tangga, hendaklah naik sekali. Ia dikatakan tidak boleh gantung-gantungan atau kerja alang-alang. Sebabnya anak dalam kandungan akan mengikut sikap ibunya dan ia tidak akan keluar dengan cepat apabila hendak dilahirkan. Demikian juga, jika menjahit baju atau apa saja kerja lain, hendaklah disiapkan atau dihabiskan segera. Kerja tidak boleh ditinggalkan tidak siap. Adalah ditakuti nanti, apabila hendak melahirkan anak, anaknya akan terhalang keluar.